



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SELANGOR STATE TREASURY

Tingkat 2, 8-12
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

No. Tel : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN)
603-5544 7297 (TPWN)
603-5512 1054 (BN)
603-5521 2533 (BKP)
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>



KITASELANGOR

Rujukan Kami : PWN.SEL.600-1/8/6 Jld.11(104)

Tarikh : 29 Julai 2026

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YB Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ SS Dato'/ YAA Dato'/ YBr. Dr./ Tuan/ Puan,

MORATORIUM PINJAMAN PERUMAHAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana YB Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ SS Dato'/ YAA Dato'/ YBr. Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, YAB Dato' Seri Menteri Besar Selangor telah mengumumkan inisiatif Moratorium Pinjaman Perumahan Kerajaan Negeri di bawah Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan Negeri Selangor melalui Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor pada 19 Jun 2026. Inisiatif yang melibatkan penangguhan bayaran semula pinjaman perumahan untuk tempoh tiga (3) bulan diumumkan bertujuan membantu Penjawat Awam yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Selangor mendepani ketidakpastian ekonomi global susulan krisis geopolitik di Asia Barat.

3. Selaras dengan keputusan tersebut, kaedah pelaksanaan moratorium bayaran semula pinjaman rumah adalah seperti berikut:

3.1 Pelaksanaan moratorium adalah untuk tempoh tiga (3) bulan secara berterusan iaitu mulai Oktober 2026 sehingga Disember 2026.

MORATORIUM PINJAMAN PERUMAHAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

3.2 Moratorium layak diberikan kepada:

Pegawai yang sedang menjelaskan hutang pinjaman perumahan di bawah Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan Negeri termasuk daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) tertakluk kepada syarat berikut:

- i. Penjawat awam yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Selangor;
- ii. Tidak mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman; dan
- iii. Gaji pegawai dibayar melalui Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS) kecuali LPHS dan LUAS dan bayaran balik pinjaman melalui sistem tersebut telah bermula sebelum atau pada bulan September 2026.

3.3 Tempoh pembiayaan pinjaman perumahan pegawai akan dilanjutkan selama tiga (3) bulan kepada pegawai berkenaan. Perlindungan insurans atau takaful gadai janji sepanjang tempoh perlanjutan pinjaman perumahan adalah di bawah tanggungjawab pegawai sepenuhnya. Sebarang kos atau implikasi yang timbul disebabkan ketiadaan perlindungan tersebut hendaklah ditanggung oleh pegawai. Pegawai perlu berurusan terus dengan panel insurans atau takaful yang sedang melindungi pinjaman dan menanggung sendiri kos tambahan yang berkaitan (jika ada).

4. Sehubungan itu, semua pegawai dikehendaki melengkapkan Borang Permohonan Moratorium Pinjaman Perumahan Kerajaan Negeri Selangor dan mengembalikannya melalui e-mel morarumah@selangor.gov.my atau secara serahan tangan kepada Pentadbiran ini **selewat-lewatnya pada 18 Ogos 2026** ke alamat berikut:

MORATORIUM PINJAMAN PERUMAHAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Perbendaharaan Negeri Selangor

Unit Pinjaman

Bahagian Perkhidmatan Operasi Perakaunan

Tingkat 10, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

40592 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

5. Pentadbiran ini juga ingin menarik perhatian YB Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ SS Dato'/ YAA Dato'/ YBr. Dr./ Tuan/ Puan bahawa pegawai dianggap tidak bersetuju untuk menerima moratorium ini jika borang permohonan tidak dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan.

6. Bersama-sama ini disertakan dokumen berkaitan moratorium untuk tindakan dan rujukan pihak YB Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ SS Dato'/ YAA Dato'/ YBr. Dr./ Tuan/ Puan:

- i) Borang Permohonan Moratorium Pinjaman Perumahan Kerajaan Negeri Selangor.
- ii) Soalan Lazim Moratorium Pinjaman Perumahan Kerajaan Negeri Selangor.

7. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung inisiatif moratorium ini, pihak YB Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ SS Dato'/ YAA Dato'/ YBr. Dr./ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai berikut:

Nama Pegawai	No. Telefon	E-Mel Jabatan (@selangor.gov.my)
Puan Nur Fazliyanna binti Rosli	03-5544 7262	liyannarosli
Puan Siti Zakiah binti Abu Bakar	03-5544 7262	siti.zakiah
Puan Nur Rasyidah binti Ismail	03-5521 7262	nurrasyidah
Puan Suzanawati binti Ishark	03-5521 2389	suzanawati
Puan Nur Irdina Qaireen @ Bibiana binti Nawi	03-5544 7260	nur.irdina

MORATORIUM PINJAMAN PERUMAHAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

8. Kerjasama dan perhatian YB Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ SS Dato'/ YAA Dato'/ YBrS. Dr./ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai.


Sekian, terima kasih.

"KITASELANGOR MAJU BERSAMA"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD SABREE BIN YAAKUB) C.A(M)

Bendahari Negeri Selangor

b.p. YB Pegawai Kewangan Negeri

s.k. :

YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor

SENARAI EDARAN JABATAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

1. YBhg. Dato' Pengelola Bijaya Diraja

Pejabat DYMM Sultan Selangor

Pejabat Istana Alam Shah

41500 Klang, Selangor

2. Pegawai Kewangan Negeri

Perbendaharaan Negeri Selangor

Bahagian Khidmat Pengurusan

Tingkat 12, Bangunan SSAAS

40592 Shah Alam, Selangor

3. Pengarah

Jabatan Agama Islam Selangor

Tingkat 1, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah

No. 2, Pesiaran Masjid, Seksyen 5

40676 Shah Alam, Selangor

4. Pengarah

Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor

Tingkat 5, Podium Selatan, Bangunan SSAAS

40000 Shah Alam, Selangor

5. Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor

Jabatan Mufti Negeri Selangor

Tingkat 7 & 8, Menara Utara

Bangunan Sultan Idris Shah, Persiaran Masjid

40000 Shah Alam, Selangor

6. Pengarah

Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor

Kompleks Ibu Pejabat

Persiaran Jubli Perak, Seksyen 17

40200 Shah Alam, Selangor

SENARAI EDARAN JABATAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

7. Pengarah

Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor
Bahagian Khidmat Pengurusan
Tingkat LG, G, 1-4, Bangunan SSAAS
40503 Shah Alam, Selangor

8. Pengarah

Jabatan Perancang Bandar & Desa Negeri Selangor
Menara Pertubuhan Peladang Negeri Selangor
Tingkat 2-4 & 9, Menara PPNS
Persiaran Damai, Seksyen 11
40000 Shah Alam, Selangor

9. Pengarah

Jabatan Pertanian Negeri Selangor
Menara Korporat, Tingkat 4, 8 & 9
IDCC Shah Alam, Jalan Pahat L15/L, Seksyen 15
40200 Shah Alam, Selangor

10. Pengarah

Jabatan Hutan Negeri Selangor
Tingkat 3, Bangunan SSAAS
40503 Shah Alam, Selangor

11. Pengarah

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor
Unit G6, Tingkat Bawah IDCC Shah Alam
Jalan Pahat L, 15/L Seksyen 15
40200 Shah Alam, Selangor

12. Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor
Lot 28, Jalan Utas 15/7
Seksyen 15
40200 Shah Alam, Selangor

SENARAI EDARAN JABATAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

13. YAA Ketua Hakim Syarie Selangor

Jabatan Kehakiman Syariah Selangor
Aras 4, Bangunan Mahkamah Syariah Sultan Idris Shah
Persiaran Masjid, Seksyen 5
40000 Shah Alam, Selangor

14. Ketua Pendakwa Syarie

Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor
Tingkat 5, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah
No. 2 Persiaran Masjid, Seksyen 5
40676 Shah Alam, Selangor

15. Setiausaha

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor
Tingkat 1, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 Shah Alam, Selangor

SENARAI EDARAN PEJABAT DAERAH/ TANAH

1. Pegawai Daerah Petaling

Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling
Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Petaling
No. 1, Persiaran Atmosfera Seksyen U5
40150 Shah Alam, Selangor

2. Pegawai Daerah Klang

Pejabat Daerah Dan Tanah Klang
Jalan Kota
41902 Klang, Selangor

3. Pegawai Daerah Hulu Langat

Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat
Bangunan Sultan Hishamuddin Alam Shah
Kompleks Pentadbiran Daerah, Seksyen 9
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor

4. Pegawai Daerah Gombak

Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak
Bangunan Sultan Sulaiman, Persiaran Pegawai
Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor

5. Pegawai Daerah Sepang

Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang
Bangunan Tun Aziz
Bandar Baru Salak Tinggi
43900 Sepang, Selangor

6. Pegawai Daerah Hulu Selangor

Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Selangor
Jalan Bukit Kerajaan
44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor

7. Pegawai Daerah Kuala Langat

Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat
Persiaran Sultan Abdul Aziz Shah
Kota Seri Langat, Sungai Sedu
42700 Banting, Selangor

SENARAI EDARAN PEJABAT DAERAH/ TANAH

8. Pegawai Daerah Kuala Selangor

Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor

Kompleks Pejabat Kerajaan

45000 Kuala Selangor, Selangor

9. Pegawai Daerah Sabak Bernam

Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam

Kompleks Pejabat Daerah

45300 Sungai Besar, Selangor

SENARAI EDARAN PEJABAT JABATAN KERJA RAYA

1. Ketua Jurutera Mekanikal Negeri Selangor

Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor
Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
Persiaran Jubli Perak, Seksyen 17
40200 Shah Alam, Selangor

2. Jurutera Daerah

Jabatan Kerja Raya Daerah Petaling
Tingkat 3, Pejabat Kerajaan Daerah Petaling
No.1 Persiaran Atmosfera Seksyen U5
40150 Shah Alam, Selangor

3. Jurutera Daerah

Pejabat Jurutera Daerah
Jabatan Kerja Raya Daerah Klang
No. 1 Lorong Sembilang 8E
Off Tepi Sungai, Jalan Tepi Sungai
41100 Klang, Selangor

4. Jurutera Daerah

Pejabat Jurutera Daerah
Jabatan Kerja Raya Daerah Hulu Langat
Persiaran Wawasan, Seksyen 14
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor

5. Jurutera Daerah

Pejabat Jurutera Daerah Gombak
Persiaran 1, Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor

6. Jurutera Daerah

Jabatan Kerja Raya Daerah Sepang
Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan Daerah Sepang
Bandar Baru Salak Tinggi
43900 Sepang, Selangor

SENARAI EDARAN PEJABAT JABATAN KERJA RAYA

7. Jurutera Daerah

Pejabat Jurutera Daerah
Jabatan Kerja Raya Daerah Hulu Selangor
Jalan Bukit Kerajaan
44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor

8. Jurutera Daerah

Pejabat Jurutera Daerah
Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Langat
Telok Datok
42700 Banting, Selangor

9. Jurutera Daerah

Pejabat Jurutera Daerah
Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Selangor
Jalan Kemajuan
45000 Kuala Selangor, Selangor

10. Jurutera Daerah

Pejabat Jurutera Daerah
Jabatan Kerja Raya Daerah Sabak Bernam
45400 Sungai Besar, Selangor

SENARAI EDARAN JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

1. Ketua Jurutera Mekanikal dan Elektrikal

Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal
Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (Mekanikal)
Jalan Sepat 17/57, Seksyen 17
40200 Shah Alam, Selangor

2. Jurutera Daerah

Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Petaling
Tingkat 4, Kompleks Pejabat Kerajaan
No 1 Persiaran Atmosfera, Seksyen U5
40150 Shah Alam, Selangor

3. Jurutera Daerah

Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Kuala Langat
Sungai Manggis
42700 Banting, Selangor

4. Jurutera Daerah

Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Klang
Jalan Tali Air
41000 Klang, Selangor

5. Jurutera Daerah

Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Gombak
Tingkat 3, Bangunan Sultan Sulaiman
Km16, Jalan Ipoh, Taman Pinggiran Templer
68100 Batu Caves, Selangor

6. Jurutera Daerah

Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Hulu Langat
Jalan Persiaran Kemajuan, Seksyen 16
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor

SENARAI EDARAN JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

7. Jurutera Daerah

Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Sabak Bernam

45300 Sungai Besar, Selangor

8. Jurutera Daerah

Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Kuala Selangor

45000 Kuala Selangor, Selangor

9. Jurutera Daerah

Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Sepang

No 27, Jalan 4, Medan 120

Bandar Baru Salak Tinggi

43900 Sepang, Selangor

10. Jurutera Daerah

Jabatan Pengairan Dan Saliran Hulu Selangor

Tingkat 2, Blok D, Kompleks Pejabat Kerajaan

Jalan Bukit Kerajaan

44000 Kuala Kubu Baru, Selangor

SENARAI EDARAN BADAN BERKANUN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

1. Pengarah Eksekutif

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)

Tingkat 5, Podium Utara

Bangunan SSAAS

40503 Shah Alam, Selangor

2. Pengarah

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

Tingkat 12 & 13, Bangunan Darul Ehsan

No.3 Jalan Indah, Seksyen 14

40000 Shah Alam, Selangor

**SENARAI EDARAN DALAMAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
SELANGOR**

1. Setiausaha Bahagian

Pejabat Dewan Negeri Selangor
Tingkat 1, Wisma Dewan Negeri Selangor
Dewan Undangan Negeri
40503 Shah Alam, Selangor

2. Setiausaha Bahagian

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Bahagian Khidmat Pengurusan
Tgkt 18, Bangunan SSAAS
40503 Shah Alam, Selangor



Borang Permohonan Moratorium Pinjaman Perumahan Kerajaan Negeri Selangor

A. Maklumat Pemohon	
Nama	
No. Kad Pengenalan	
No. Telefon Bimbit	
No. Telefon Pejabat	
E-mel	
Alamat Surat Menyurat	
Nama Jabatan (Tempat Bertugas)	
Tarikh Persaraan	
B. Saya dengan ini bersetuju bahawa: 1. Pelaksanaan moratorium adalah untuk tempoh tiga (3) bulan secara berterusan iaitu mulai Oktober 2026 sehingga Disember 2026. 2. Kelulusan permohonan moratorium ini adalah tertakluk kepada kelayakan yang telah ditetapkan. 3. Tempoh pembiayaan pinjaman perumahan akan dilanjutkan selama tiga (3) bulan. 4. Bertanggungjawab memaklumkan dan membuat bayaran ansuran secara berasingan kepada Unit Pinjaman, Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS) sekiranya potongan gaji bagi bayaran balik pinjaman tidak berjaya dilaksanakan pada Januari 2027. 5. Perlindungan insurans atau takaful sepanjang tempoh lanjutan moratorium adalah di bawah tanggungjawab saya.	

C. Pengakuan Pemohon

☐ Saya bersetuju menerima moratorium.

☐ Saya tidak setuju menerima moratorium.

D. Pengesahan Pemohon

Saya dengan ini mengesahkan maklumat dan pengakuan permohonan adalah benar dan tepat.

(Tandatangan Pemohon)

Nama :

Tarikh :

No. Kad Pengenalan :

Untuk Kegunaan Unit Pinjaman, Perbendaharaan Negeri Selangor

Ulasan:

Disemak oleh:

Nama :

Jawatan:

Tarikh:

Ulasan:

Diluluskan oleh:

Nama :

Jawatan:

Tarikh:

SOALAN LAZIM

MORATORIUM PINJAMAN PERUMAHAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah pegawai yang berkhidmat di bawah Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri lain, Badan Berkanun Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan dan sedang menjelaskan pinjaman perumahan di bawah Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan Negeri layak menerima moratorium?	Pegawai yang berkhidmat di bawah Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri lain, Badan Berkanun Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan dan sedang menjelaskan pinjaman perumahan di bawah Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan Negeri adalah tidak layak untuk menerima inisiatif moratorium ini.
2.	Adakah pegawai yang akan bersara pada November 2026 layak menerima moratorium pada bulan Oktober 2026?	Peminjam yang akan bersara termasuk bersara pilihan pada Oktober 2026, November 2026 atau Disember 2026 tidak layak menerima moratorium kerana tidak memenuhi syarat moratorium perlu diambil secara berterusan bermula Oktober 2026 sehingga Disember 2026.
3.	Apakah tindakan yang perlu dilakukan jika pegawai tidak pasti berhubung dengan tarikh mula bayaran balik pinjaman?	Pegawai boleh menyemak status bayaran balik dengan menghubungi pegawai seperti yang dinyatakan dalam surat edaran.
4.	Adakah pegawai yang memohon moratorium akan menerima pemakluman status permohonan?	Pemakluman status permohonan akan diberikan melalui Jabatan masing-masing.
5.	Adakah ansuran bulanan akan berubah berikutan pelaksanaan moratorium ini?	Amaun ansuran bulanan tidak berubah.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
6.	Apakah tindakan yang perlu diambil oleh pegawai sekiranya potongan gaji bagi bayaran balik pinjaman tidak disambung semula selepas tempoh moratorium berakhir?	Pegawai hendaklah memaklumkan kepada Pentadbiran ini dengan segera jika bayaran balik pinjaman tidak berjaya dilaksanakan melalui potongan gaji pada bulan Januari 2027. Pegawai juga bertanggungjawab untuk membuat bayaran ansuran secara berasingan kepada Pentadbiran ini sehingga potongan gaji berjaya dilaksanakan semula.
7.	Bagaimanakah pegawai boleh mengetahui syarikat insurans atau pengendali takaful gadai janji yang sedang melindungi pinjaman perumahannya?	Peminjam boleh menghubungi pegawai seperti yang dinyatakan dalam surat edaran untuk mendapatkan maklumat panel insurans atau takaful yang melindungi pinjaman.